

07 APR 1996

Muhyiddin - Konvensyen

PERSATUAN SUKAN PERLU BERI PERHATIAN SERIUS TEGURAN ANWAR

BUKIT MERTAJAM, 7 April (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pemimpin persatuan-persatuan sukan supaya memandang berat teguran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar mereka berhenti bercakaran sesama sendiri sebaliknya menumpukan perhatian ke arah meningkatkan mutu sukan negara.

Beliau berkata teguran itu memang kena pada masanya memandangkan kebanyakan persatuan sukan menghadapi pelbagai masalah dalaman yang tidak pernah selesai hingga menjejaskan mutu dan prestasi sukan.

Katanya, beliau sering berbincang dan mengingatkan mereka tentang perkara itu dan mengambil inisiatif untuk menganjurkan sebuah konvensyen tiga hari di Langkawi mulai Khamis ini bagi memberi peluang kepada pemimpin persatuan sukan serta pelbagai pihak termasuk swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berbincang mengenai cara mengatasi masalah itu.

"Konvensyen yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu merupakan tempat paling sesuai bagi semua pihak menganalisis kekurangan dan kesilapan yang berlaku dalam pelbagai persatuan sukan," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas teguran Anwar pada perasmian projek 1001 Gelanggang Rakyat bagi Parlimen Permatang Pauh di Taman Guar Perahu, di sini.

Konvensyen berkenaan juga turut membincangkan soal disiplin atlit, persatuan sukan serta akta sukan dan diharap ia akan membuka lebih banyak peluang untuk pelbagai pihak melihat secara serius usaha memajukan sukan tanah air, katanya.

Beliau bersetuju dengan pandangan Anwar bahawa pemimpin sukan bertanggungjawab menentukan kemajuan persatuan dan sukan tertentu dan kementerian sedang mengawasi perkembangan beberapa persatuan yang bermasalah, antaranya persatuan renang.

Bagaimanapun, katanya, tidak semua persatuan mempunyai masalah kepimpinan seperti itu dan ada di antara mereka yang berjaya dan teratur.

Kerajaan membelanjakan beratus juta ringgit untuk memajukan mutu sukan negara dan menyediakan pelbagai kemudahan sukan. Untuk Sukan Komanwel (SUKOM) sahaja tidak lebih RM300 juta dibelanjakan untuk melatih atlit dalam tempoh lima tahun, katanya.

Beliau juga mahu persatuan-persatuan sukan meningkatkan persiapan bagi melahirkan sebuah pasukan yang kuat dan semua perkembangan dilaporkan kepada kabinet memandangkan SUKOM semakin hampir.

"Walaupun peluang untuk kita berjaya cemerlang memang sukar, saya mahu prestasi atlit negara lebih baik daripada kejohanan yang lepas," katanya.

-- BERNAMA

ZU ZAB